

**TEKS UCAPAN PERASMIAN LATIHAN PERAJURIT MUDA**  
**SEPADU (S) SIRI 1/2008 OLEH KOMANDER**  
**REJIMEN 509 ASKAR WATANIAH**

BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG DIHORMATI TIMBALAN KOMANDER LT KOL TOH CHOON SIANG, PEG MEMERINTAH, YANG BERUSAHA, MEJ VASU SELAKU KETUA CAWANGAN LATIH, PEGAWAI-PEGAWAI, PTT-PTT KANAN, JURULATIH-JURULATIH, SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG DIHORMATI SEKELIAN.

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT BERKUMPUL DI MAJLIS PERASMIAN LATIHAN PERAJURIT MUDA SEPADU SUKARELA SIRI 1/2008. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SAUDARA-SAUDARI SEMUA KE REJIMEN 509 ASKAR WATANIAH DAN SETERUSNYA SELAMAT MENJALANI LATIHAN DI REJIMEN INI.

KEHADIRAN SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA UNTUK MENJALANI LATIHAN INI AMAT MEMBANGGAKAN KERANA SANGGUP MENGORBANKAN MASA DAN TENAGA SEMATA-MATA UNTUK MENGIKUTI LATIHAN ASAS KETENTERAAN. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KEHADIRAN SAUDARA-SAUDARI DALAM KURSUS INI ADALAH HASIL DARIPADA PROMOSI YANG DIJALANKAN DI TAPAK PESTA PULAU PINANG YANG TELAH DIADAKAN PADA BULAN DISEMBER YANG LALU. MALAH DARIPADA SEJUMLAH 299 ORANG YANG MENDAFTAR DIRI UNTUK MASUK BERKHIDMAT, 77 ORANG TELAH DAPAT DIPROSES OLEH REJIMEN UNTUK MEMASUKI PERKHIDMATAN, DAN

DARI JUMLAH INI, 61 ORANG TELAH MELAPOR DIRI UNTUK KURSUS INI. WALAUBAGAIMANAPUN, MALANGNYA ADA 4 ORANG YANG TERPAKSA MENGUNDURKAN DIRI DISEBABKAN MASALAH KESIHATAN DAN TINGGAL 57 ORANG DALAM PERBARISAN HARI INI. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SAUDARA DAN SAUDARI YANG BERGITU BERMINAT DAN BERTEKAD UNTUK TERUS MENGIKUTI KURSUS. SEMOGA BERJAYA MENERUSKAN SEHINGGA KE PENGHUJUNG KURSUS.

SEPERTIMANA SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA SEDIA MAKLUM, LATIHAN INI AKAN DILAKSANAKAN SELAMA SATU BULAN. DALAM TEMPOH TERSEBUT, SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA AKAN DIDEHAHKAN DENGAN ASPEK KEHIDUPAN SEORANG ANGGOTA TENTERA YANG BERDISIPLIN TINGGI. DISIPLIN ADALAH PEMANGKIN UNTUK SESEORANG ITU MAJU DI DALAM APA JUA BIDANG, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM BIDANG KETENTERAAN. JUSTERU, LATIHAN ASAS DISIPLIN YANG WAJIB DILALUI IALAH BERKAWAD. SETERUSNYA LATIHAN DILANJUTKAN KEPADA PELAJARAN MENGENDALIKAN SENJATA, ILMU MEDAN PERANG (IMP), MEMBACA PETA TAKTIK ASAS DAN DIKUTI DENGAN LATIHAN PRAKTIKAL YANG AKAN DIADAKAN DI MEDAN PADA MINGGU AKHIR KURSUS INI KELAK.

SAYA PERCAYA PENGALAMAN YANG TELAH DAN BAKAL DIPEROLEHI NANTI MERUPAKAN PENGALAMAN BARU YANG TIDAK MUNGKIN DIPEROLEHI DARI MANA-MANA ORGANISASI LAIN. PENGALAMAN TERSEBUT AKAN MENJADIKAN SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA LEBIH MATANG, TABAH, DAN BERANI MENGHADAPI KEHIDUPAN SEHARIAN. SAYA BERHARAP MELALUI PENGALAMAN TERSEBUT, SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA AKAN BERTAMBAH MINAT TERHADAP PROFESYEN KETENTERAAN. SAYA JUGA BERHARAP SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA AKAN BERUSAHA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI LAGI BELIA-BELIA UNTUK MENYERTA ANGGOTA SUKARELA ASKAR WATANIAH PADA MASA AKAN DATANG.

DENGAN MENYERTAI ASKAR WATANIAH, SECARA AUTOMATIKNYA SAUDARA-SAUDARI MERUPAKAN AHLI KELUARGA ANGGOTA TENTERA. OLEH YANG DEMIKIAN, IMEJ SEORANG TENTERA HENDAKLAH DIJAGA DENGAN BAIK AGAR TIDAK TERCEMAR. PERANGAI ATAU AMALAN YANG KURANG SIHAT SEBELUM INI HENDAKLAH DIBERHENTIKAN DAN DISIPLIN YANG BAIK DIKEKALKAN SEPANJANG MASA. SEPANJANG MENJALANI KURSUS INI SAUDARA-SAUDARI DITUNTUT UNTUK MEMATUHI SEGALA PERATURAN DAN PERADABAN TENTERA. KEPADA MEREKA YANG GAGAL MEMATUHI ARAHAN, TINDAKAN YANG TEGAS AKAN DIAMBIL.

SAYA BERHARAP AGAR SAUDARA-SAUDARI DAPAT MENGIKUTI SEGALA LATIHAN DENGAN PENUH TEKUN DAN BERSEMANGAT UNTUK MEMPEROLEHI ILMU BARU. ORGANISASI TENTERA MENGUTAMAKAN KERJASAMA BERKUMPULAN (TEAM WORK) SUPAYA KERJA YANG SUSAH MENJADI SENANG DAN YANG BERAT MENJADI RINGAN. DALAM HAL INI, SAYA BERKEHENDAKKAN SAUDARA – SAUDARI SENTIASA BERKERJASAMA DI ANTARA SATU SAMA LAIN SERTA MENUNJUKKAN SEMANGAT KESETIAKAWANAN PADA SETIAP MASA. SAYA FAHAM KURSUS INI MEMERLUKAN DAYA KETAHANAN FIZIKAL SERTA MENTAL YANG TINGGI DI MANA KESABARAN SAUDARA-SAUDARI AKAN SENTIASA DIDUGA KE TAHAP MAKSIMUM. DENGAN KETABAHAN DAN KEGIGIHAN SAUDARA-SAUDARI, SAYA YAKIN SAUDARA-SAUDARI AKAN MENGATASI DUGAAN INI DENGAN JAYANYA.

SAYA JUGA YAKIN DENGAN BIMBINGAN PARA JURULATIH, SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN AKAN DAPAT MENEMPUHI KURSUS INI DENGAN JAYANYA TANPA BANYAK MASALAH. JIKA DIHADAPI APA JUA MASALAH SEKALIPUN ANGGAPLAH IA SEBAGAI SATU CABARAN SUPAYA MENJADI SATU PENGALAMAN BARU UNTUK SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN UNTUK DIJADIKAN PEDOMAN PERLAKSANAAN TUGAS DI MASA AKAN DATANG.

SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS KERELAAN SERTA KOMITEN YANG DITUNJUKKAN OLEH SAUDARA-SAUDARI UNTUK MENGHADIRI KURSUS INI. SESUNGGUHNYA TANPA KOMITMEN DAN SIKAP YANG POSITIF, TIDAK MUNGKIN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN AKAN DAPAT MENGHARUNGI KURSUS INI DENGAN JAYANYA. SAYA PERCAYA PERGORBANAN IKHLAS SAUDARA-SAUDARI INI AKAN TETAP DIKENANG OLEH RAKYAT NEGERI INI DALAM USAHA MENGEKALKAN KEAMANAN NEGARA. SAYA BERHARAP SELEPAS TAMAT KURSUS INI, SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN AKAN TERUS BERGIAT DI DALAM ASKAR WATANIAH SUPAYA SEGALA PENAT LELAH SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN DALAM KURSUS INI TIDAK DISIA-SIAKAN.

AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ BISMILAH RAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA SEPADU SUKARELA SIRI 1/2008. WABILAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.